

**Terus Sandarkan Harapan Kepada BN, Bukan Pada Individu, Kata Salleh Bernama
2 Ogos, 2012**

BEAUFORT, 2 Ogos (Bernama) -- Rakyat di Sabah hendaklah terus menyandarkan harapan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) yang terbukti berupaya membela nasib rakyat dan bukannya pada mana-mana individu, kata Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Salleh Said Keruak.

Beliau berkata pemimpin akan datang dan pergi namun perjuangan parti perlu diteruskan.

"Kita tidak boleh menyandarkan masa depan kita kepada mana-mana individu. Masa hadapan kita telah kita gantungkan kepada parti yang terbukti boleh membela kita iaitu Umno dan BN.

"Individu saja tidaklah penting...apa yang penting ialah parti. Saya masih ingat semasa kakak saya bertanding atas tiket Parti Keadilan Rakyat (PKR) menentang calon BN (Datuk Jainab Ahmad) di Karambunai dulu. Saya pastikan dia kalah dan dia kalah. Bukan soal keluarga, bukan soal kawan tapi ini soal perjuangan," katanya.

Salleh berkata demikian di satu majlis bersungkai dan solat Tarawih bersama rakyat dan pemimpin Barisan Nasional (BN) Sabah di perkarangan rumah Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwat Pengguna Sabah, Datuk Azizah Mohd Dun di Kg Limbawang, dekat sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685011>

